



PENYELESAIAN PERWARISAN UNTUK PELABURAN ANDA

Untuk Pelabur Bukan Islam



Pilihan Pelabur Bijak

■ KONSEP

PENGISYTIHARAN AMANAH adalah perkhidmatan pengurusan harta yang disediakan oleh ASNB kepada Pemegang Unit bukan Islam. Ia menerapkan konsep amanah yang mana pelaburan di ASNB akan diuruskan oleh Pemegang Amanah (ASNB) sebelum diserahkan kepada Penerima selepas kematian Pemegang Unit (Pemberi).

■ KONSEP



■ TERMA DAN SYARAT

I. PEMBERI

- Pemegang Unit bukan Islam berumur 18 tahun ke atas.
- Mempunyai baki unit pelaburan minimum 1,000 unit (tidak termasuk unit bercagar / pinjaman / Skim Pelaburan Ahli KWSP).

II. PENERIMA

- Individu
- Terhad kepada 10 orang sahaja
- Penjaga yang sah perlu dilantik jika Penerima berumur di bawah 18 tahun

III. 1,000 unit perlu dikekalkan sepanjang tempoh Pengisytiharan Amanah bagi semua tabung unit amanah yang terlibat.

IV. Diamanahkan kesemua (100%) unit milik penuh kecuali unit bercagar kepada semua Penerima yang disenaraikan.

V. Unit yang bercagar adalah tertakluk kepada perjanjian antara Pemegang Unit dengan institusi pemberi pinjaman.

VI. ASNB berhak menarik balik perjanjian Pengisytiharan Amanah sekiranya Pemberi didapati melanggar terma dan syarat Pengisytiharan Amanah atau hilang kelayakan sebagai Pemegang Unit.

■ YURAN PERKHIDMATAN

Pendaftaran	RM180 / kontrak	
Pentadbiran	RM10 setahun	
Pindaan	RM20	
Pembatalan	RM70	
Tuntutan (Unit)	%	RM
25,000 pertama	1.50	375
225,000 berikutnya	1.00	2,250
250,000 berikutnya	0.50	1,250
500,000 berikutnya	0.25	1,250
Baki selebihnya	0.10

Pengiraan Yuran Tuntutan

Contoh: **BAKI PELABURAN RM200,000**
 RM25,000 pertama 1.50% = RM375
 RM175,000 berikutnya 1.00% = RM1,750
 Jumlah Yuran = RM2,125
 (ditolak daripada baki pelaburan sebelum diagihkan kepada Penerima)


■ KELEBIHAN DENGAN PENGISYTIHARAN AMANAH

- Pemberi menentukan Penerima dan peratus pembahagian pelaburan.
- Penerima adalah penerima mutlak.
- Pemberi masih mempunyai kawalan penuh dan menikmati manfaat terhadap pelaburan tersebut semasa hidup.
- Tidak perlu Surat Kuasa Mentadbir atau Geran Probet.
- Yuran perkhidmatan yang kompetitif.

■ TANPA PENGISYTIHARAN AMANAH

- Waris perlu mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir Harta Pusaka / Geran Probet untuk membuat tuntutan.
- Pengagihan dan penerima harta pusaka tertakluk di bawah Akta Pembahagian 1958 / persetujuan daripada waris yang telah dinyatakan di dalam Surat Kuasa Mentadbir / Geran Probet.
- Waris perlu melakukan semua proses pentadbiran harta pusaka sendiri dan menanggung semua kos yang terlibat.

■ PERBANDINGAN PROSES TUNTUTAN



Daftar sekarang di mana-mana cawangan ASNB

Borang boleh dimuat turun di laman web atau cawangan ASNB



Sebelum menandatangani sebarang dokumen, pemegang unit dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat Hibah Amanah atau Pengisytiharan Amanah yang terkandung dalam surat ikatan, borang dan dokumen yang berkaitan dengan perkhidmatan ini.

Amanah Saham Nasional Berhad (47457-V)
 Syarikat Unit Amanah Permodalan Nasional Berhad (38218-X)